

# nexnews

## APAKAH PANDANGAN MEREKA MENGENAI 'BOOTCAMP' PERNIAGAAN MIKRO? – BHG 1 WHAT DO THEY SAY ABOUT THE MICRO BUSINESS BOOTCAMP? – PART 1

Perserta bootcamp kluster peniagaan mikro yang telah mengakhiri sesi kelas mereka selama sebulan di Nexus minggu lalu kini dalam proses menjalani klinik individu dan penyerahan pelan peniagaan mikro kepada jurulatih Global Equator. Sebahagian peserta DevCos (NexUs, DST & EvolveMe) telah bersetuju untuk berkongsi pandangan mereka mengenai program bootcamp tersebut.

*The micro business bootcamp participants who completed their month-long in-class workshop at Nexus last week are now in the process of preparing and submitting their business plans as well as scheduling their one-to-one business plan clinic dates with their trainers from Global Equator. Some of them agree to share their views about the bootcamp.*



Laila Haji Ahmad (Nexus)

“Saya sangat kagum dengan isi kandungan kursus peniagaan. Program ini telah membuka mata saya untuk berkecimpung lebih dalam lagi dalam dunia peniagaan. Jurulatih yang berpengalaman sentiasa menolong saya sekiranya ada sebarang pertanyaan. Ini adalah satu program peniagaan mikro yang paling bermanfaat yang pernah saya hadiri. Penyediaan bahan-bahan pelajaran program adalah teratur dan kreatif serta ini dapat membantu sesiapa yang ingin memulakan peniagaan”

Rancangan Peniagaan: AZ Services Co. memberikan perkhidmatan untuk semua pelanggan. HashTag#TopService

*“I really enjoyed the course content. It has opened up my eyes to a new world of business. The instructors have good experience and knowledge and always willing to stay after class and answer any questions or concerns I had. This has been one of the most beneficial business courses I've ever attended'. They always provide good materials and organize hands-on activities that are creative. It helps a lot in preparing anyone who wish to start a business”*

Future start-up business: AZ Services Co.to provide customer service for all.  
HashTag #Topservice

“Saya telah belajar membuat draf pelan perniagaan, memahami sasaran pasaran terkini, mengenal pasti dan membuat analisa pesaing-pesaing di sekeliling. Saya kini menyedari kepentingan jenama, logo peniagaan dan teknik pengurusan kewangan harian saya. Melalui klinik bersama jurulatih juga telah banyak membantu saya dari penggunaan diagram, statistik dan peningkatan hasil jualan kepada pelanggan. Nasihat saya “Kita tidak pasti jika tidak mencuba, cubalah menerokai alam peniagaan.. siapa tahu mungkin ada perkara yang lebih terbaik di masa akan datang!”

Perancangan Peniagaan: Pembekal Ternakan/ Pembungkus Ternakan Makanan tempatan untuk perkerja pendapatan rendah.



Mohammad Iskandar  
bin Talipudin (DST DevCo)

*“I learnt how to write my business plan and now understand what is my market size and how to identify and analyze my competitors. I now know the importance of branding, logo and how to keep my financial records. The BP Clinic had taught me how to use diagrams and statistics, how to grow your revenue and design a business plan that suits your customers. My advice “You will never know if you never try, so try doing the business and discover... Who knows, it might be the next best thing!”*

Future start-up business is locally-breed livestock Farming / Packed Food Supplier for low income workers

HashTag:#Penternakan#Ternakan#Pekebun#Binatang#PembiakanTempatan#KebunTempatan#Permakanan#PembungkusMakanan



Saya telah mempelajari teknik pelan peniagaan yang betul, bagaimana menjalani operasi peniagaan yang baik serta mengira hasil keuntungan kewangan. Saya juga dapat melihat betapa pentingnya pesaing dan pekongsian dalam perniagaan. Dari sana, saya juga memperolehi banyak pengetahuan tentang perjalanan peniagaan mikro yang lebih baik. Nasihat saya adalah “Ikutilah kursus-kursus yang disediakan seperti LiveWire atau DaRe. Program ini sangat bermanfaat dan dapat mempelajari banyak ilmu pengetahuan dari segi peniagaan dan kewangan”.

Perancangan Peniagaan: Penghasilan Pes Cili Sambal Adi, Pes Udang Kering, Pes Ikan Bilis dan Pes Ikan Kering. #AtoNyaman! & Slurrppspicy

Marianah POKPS Hj  
Abdul Manan (Nexus)

*I've learnt how to do a proper business plan and how to run a good business including managing finance like profit calculation. I also see the importance of competitors and partnerships. I've gained more knowledge on how to prepare a better business plan. My advice is 'Please attend any course provided by Livewire or DARe. Very useful and from there we can learn lots of knowledge on how to run a business and manage your finance'*

Future start-up business: Sambal Adi producing Chili paste, Dried Shrimp paste, Anchovies paste and Dried fish paste. BP HashTag: #AtoNyaman! & #Slurrppspicy



Haji Ahmad Shukri POKMS  
Hj Mohd Tarif (EvolveMe)

“Saya telah mempelajari perbezaan antara perspektif Pemasaran dan Peniagaan, bagaimana mengiklankan melalui media sosial untuk menarik pelanggan dan kepentingan kos perniagaan. Nasihat saya adalah “Ketahuilah permintaan para pelanggan dan pelajarilah tentang pemasaran”.

Perancangan peniagaan baru saya ialah untuk memperluaskan rangkaian peniagaan, menyasarkan pelanggan tertinggi dan permintaan untuk bidang F&B saya dan menjadikan sos “cucur udang” sebagai produk pasaran. Saya doakan dan berharap sekiranya fenomena Covid19 berakhir, saya akan meneruskan lagi tambahan perkhidmatan “Personal Shopping” gabungan bersama rakan-rakan sekerja yang lain.”

*“I've learnt the different perspective of Marketing and Business, how to improve social media presentation to attract customers and the importance of costing. My advice is to “Know your target customer & Study the market”*

“My future start-up business is to expand networking hence target more customers for my F&B business and to make my “cucur udang” sauce as a product to be available in the market. Hopefully when Covid19 ends and travel restriction is lifted. I'll continue my Personal Shopping business service by having more associates.”

## KELAS MENGAJI AL-QUR’AN BERMULA DI NEXUS QURANIC CLASSES BEGIN AT NEXUS

Rakan sekerja Nexus yang berhasrat untuk memperbaiki bacaan Al-Quran mereka berpeluang berbuat demikian apabila kelas mengaji bermula di Nexus pada hari Selasa, 22hb September. Kelas yang diadakan tiga hari seminggu iaitu pada hari Selasa, Rabu dan Jumaat dikendalikan oleh rakan sekerja kita, Awang Hj Erifin bin Hj Mohd Yusof.

Associates who wish to improve their Quranic reading can do so now with classes being organized at Nexus starting from Tuesday, 22nd September. The classes are conducted on Tuesday, Wednesday and Friday by Hj Erifin bin Hj Md Yusof, a Nexus associate.





Para peserta mengaji Al-Quran dan Muqaddam  
*Participants of the Quranic and Muqaddam classes*

## KURSUS MENJAHIT DAN MANIK BERAKHIR *BEADING AND CROCHET COURSE COMES TO A CLOSE*

Rakan-rakan sekerja yang menyertai kursus jahitan dan manik baru-baru ini telah menerima sijil masing-masing dalam satu majlis yang diadakan pada hari Jumaat, 25 September 30, 2020. Pemenang yang dipilih untuk reka bentuk terbaik mereka juga menerima hadiah dimajlis tersebut daripada Hajah Kartini binti Dato Paduka Hj Ismail, Pengarah Pembangunan Perniagaan.

*Associates who participated in the beading and crochet course recently were presented with certificates of completion in a ceremony held on Friday, 25 September 30, 2020. The winners picked for their attractive designs also received their prizes from Hajah Kartini binti Dato Paduka Haji Ismail, Director of Business Development.*



Para peserta kursus bersama Hajah Nor Azura binte Hj Mohd Tahir, CEO Nexus  
*Participants of the course with Nexus CEO*



Hjh Kartini bersama tiga pemenang, Nurlizawati bte Hj Jumat, Laila bte Hj Ahmad dan  
 Siti Jariah Abu Bakar

*The three winners with Hjh Kartini*



Antara produk-produk yang dihasilkan  
*Some of the participants' finished products*

**TAKLIMAT AKAN DATANG**

**UPCOMING TALKS**

**TAKLIMAT PENTINGNYA HSE DALAM PELBAGAI INDUSTRI PEKERJAAN**

**TARIKH: RABU, 7 OKT 2020**  
**JAM: 9:00 PAGI**  
**TEMPAT: TINGKAT 2,  
 RUANG LEGAR,  
 IBU PEJABAT NEXUS**

**TAKLIMAT PERANCANGAN PERSARAAN**

**TARIKH: ISNIN, 12 OKT 2020**  
**JAM: 8:30 PAGI**  
**TEMPAT: TINGKAT 2,  
 RUANG LEGAR,  
 IBU PEJABAT NEXUS**